

Anwar lawat, hadiri majlis berbuka MADANI setiap negeri

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan melawat setiap negeri mulai minggu depan bagi menghadiri majlis berbuka puasa MADANI dan memperkerusi Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri bersama pimpinan utama kerajaan serta agensi.

Usaha itu antaranya bagi memastikan lebih banyak negeri berupaya mencapai sifar miskin tegar selepas Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis.

Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata melalui perbincangan bersama pimpinan kerajaan negeri dan agensi, Anwar akan menekankan agenda menamatkan kemiskinan tegar kekal

sebagai keutamaan tertingginya.

“Malah sejak agenda ini diumumkan dalam Belanjawan 2023, beliau menggerakkan semua setiausaha politik ke negeri bagi memastikan gerak kerja serta bantuan disalurkan secara tersusun kepada kumpulan miskin tegar.

“Usaha ini merangkumi peningkatan pendapatan golongan sasaran, menyediakan peluang pekerjaan, akses lebih baik kepada pendidikan, kesihatan dan perumahan serta memperbaiki taraf hidup dan kesejahteraan isi rumah miskin,” katanya.

Beliau berkata demikian melalui taklimat harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang disiarkan di Facebook Anwar Ibrahim

dan Facebook PMO Malaysia.

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri memaklumkan sehingga 31 Disember lalu, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis berjaya mencapai sifar miskin tegar.

“Insyallah kejayaan ini akan diperluas ke negeri lain,” katanya.

Usaha Kerajaan MADANI menamatkan kemiskinan tegar menunjukkan kemajuan sangat memberangsangkan, dengan tiga negeri dan satu Wilayah Persekutuan berjaya mencatatkan sifar miskin tegar pada tahun lalu.

Secara keseluruhan, sebanyak 1,793 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar direkodkan di seluruh negara.